

## DARI MEJA KETUA PUSAT PENGAJIAN >>>

Oleh: **Dr. Hj. Anas bin Ibrahim**

*Alhamdulillah, segala pujian hanya milik Allah SWT dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW atas terbitan Buletin Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (Edisi 2019). Saya dengan rendah diri mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga sidang Buletin FKA yang telah mengorbankan tenaga dan pemikiran dalam usaha merealisasikan buletin ini. Setinggi penghargaan kepada Tuan Rektor selaku penaung, penyumbang artikel dan juga seluruh warga FKA yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha murni ini.*

Pembudayaan penulisan berkualiti dalam kalangan warga akademik FKA merupakan salah satu teras utama dalam mencapai kecemerlangan global seiring dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Sebagai warga akademik di universiti, penyampaian ilmu hasil daripada penyelidikan dan penulisan merupakan darah daging seseorang yang bergelar pensyarah universiti. Bak kata peribahasa, 'kemenyan sebesar lutut, jika tidak dibakar takkan berbau'. Begitulah ilmu hasil penyelidikan yang digali dan diteroka tiada gunanya jika hanya disimpan sahaja tanpa disebar luaskan melalui medium penulisan. Buletin FKA ini diharap akan menjadi satu wadah lestari bagi pembudayaan dan penghasilan penulisan warga akademik. Di akhir kata, saya menyeru semua warga FKA yang dikasihi agar dapat menyatukan suara dan gerak dalam mencapai misi dan visi universiti seiring dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Kecemerlangan UiTM bermula dengan warga kerja yang cemerlang dan berintegriti.



Bak kata peribahasa,  
'kemenyan sebesar lutut, jika  
tidak dibakar takkan berbau'.  
Begitulah ilmu hasil  
penyelidikan yang digali dan  
diteroka tiada gunanya jika  
hanya disimpan sahaja tanpa  
disebar luaskan melalui  
medium penulisan.